KOPERASI MCIS BERHAD
(2144)

Ruj Kami: KOPMCIS/Pelan Insuran/10-2024(86)
Tarikh: 23hb Oktober 2024

Kepada:
Semua Anggota
Koperasi MCIS Bhd

Tuan/Puan,

Perkara: Pelan Perlindungan Insuran, Kemaskini Maklumat Peribadi & Kemudahan Laman Web Koperasi MCIS Berhad.

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan Pengerusi dan Lembaga Koperasi MCIS Berhad telah bersetuju memperkenalkan pelan perlindungan insuran bagi memberi faedah perlindungan dan menjaga kebajikan anggota-anggotanya. Pelan perlindungan ini adalah atas permintaan anggota-anggota koperasi dalam mesyuarat agung kawasan dan seterusnya telah dibentang serta diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-61 yang diadakan pada 17hb Ogos 2024 demi memberi kesejahteraan kepada anggota-anggota koperasi amnya.

2. Pelan perlindungan insuran yang diberi adalah merangkumi perlindungan insuran kemalangan diri berkumpulan yang ditawarkan melalui Pacific Insurance Berhad, faedah khairat kematian biasa dan perlindungan penyakit kritikal adalah daripada dana Tabung Amanah. Pelan ini bertujuan untuk melindungi dan menjaga kepentingan serta membantu anggota-anggota dan waris anggota-anggota sekiranya berlaku sebarang kemungkinan.

Berikut adalah butiran pelan yang ditawarkan:

i. Pelan Faedah Perlindungan Insuran Kemalangan Diri Berkumpulan (Pacific Insurance Berhad)

Bil	Faedah	Jumlah Diinsurankan
1	Kematian Kemalangan	RM10,000.00
2	Kemalangan Hilang Upaya Kekal	RM10,000.00
3	Elaun Tunai Harian Hospital (Kemalangan/Penyakit)	RM25.00 sehari sehingga maksima 30 hari
4	Khairat Kematian (kemalangan sahaja)	RM1,500.00

- **Kelayakan Umur – 18 tahun hingga 80 tahun**

Tingkat Mezzanine, Tower 1, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-7954 6414, 7956 1158, 7955 2650 Fax: 603-7958 2632
E-mail: koperasi.mcis@gmail.com

ii. Pelan Faedah Khairat Kematian Biasa & Penyakit Kritikal

Selain itu, Koperasi MCIS Bhd juga bersetuju memberi faedah khairat kematian biasa serta perlindungan penyakit kritikal seperti berikut :-

a. Khairat Kematian Biasa : RM1,500.00
b. Faedah Penyakit Kritikal (Sekali Bayar - "One-Off"): RM1,000.00 tertakluk kepada lapuran perubatan yang disahkan oleh Hospital.
   Penyakit Kritikal yang Dilindungi:
   - Angin Ahmar (Strok)
   - Kanser – semua kategori
   - Penyakit Jantung, Paru-Paru, Pembedahan Injap, Pintasan Ateri Koronari
   - Kegagalan Buah Pinggang (Dialisis)

Untuk makluman anggota-anggota, potongan sebanyak **RM20.00** daripada bayaran dividen yang diistihar akan ditolak setiap tahun untuk memastikan perlindungan kekal aktif bagi membiayai/mengumpul dana pelan perlindungan seperti yang dipersetujui dalam mesyuarat agung. Dengan bayaran yang ditetapkan anggota-anggota layak mendapat pelan perlindungan yang telah dinyatakan.

3. Kemaskini Maklumat Peribadi

Kami ingin memperingatkan semua anggota koperasi yang masih belum mengemaskini maklumat peribadi seperti alamat terkini, nombor kad pengenalan (Mykad), melengkapkan nombor akaun bank dan nombor talipon serta alamat email (jika ada), anggota perlu berbuat demikian dengan segera. Tindakan ini penting untuk memastikan pembayaran dividen kepada anggota dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan. Borang untuk mengemaskini maklumat ini boleh dimuat turun dari laman web rasmi **kopmcis.com** atau mengisi maklum balas melalui QR atau pautan seperti di lampiran A.

4. Kemaskini Maklumat Penama

Untuk kemudahan di masa hadapan, kami juga menggalakkan semua anggota untuk mengisi borang penamaan bagi mengemaskini penama/waris. Keperluan ini akan memudahkan waris terdekat dalam proses pemindahan atau penebusan saham sekiranya anggota meninggal dunia. Bagi mengelak sebarang kesulitan langkah ini amat penting bagi memastikan faedah yang layak diterima oleh penama/waris. Borang untuk mengemaskini maklumat ini boleh dimuat turun dari laman web rasmi **kopmcis.com** atau mengisi borang seperti di lampiran B.

5. Kemudahan Laman Web Koperasi MCIS Bhd - (kopmcis.com)

Koperasi MCIS Bhd dengan sukacitanya memaklumkan bahawa laman web rasmi **koperasi.com** menyediakan maklumat dan status terkini. Selain itu, borang-borang berikut boleh dimuat turun bagi memudahkan anggota menguruskan keperluan mereka secara dalam talian.

- **Borang Maklumat Anggota** – kemaskini maklumat peribadi atau guna QR/pautan yang disediakan (Lampiran A)
- **Borang Penama** – kemaskini maklumat penama atau isi borang di lampiran B
- **Borang Permohonan Sumbangan SPM/STPM/A'LEVEL/MATRIKULASI** - permohonan sumbangan anugerah anak-anak cemerlang (pendidikan) bagi anak-anak anggota yang layak (Lampiran C)

Pihak kami menggalakkan anggota-anggota melayari laman web koperasi bagi mendapatkan penyata akaun bagi tahun kewangan berakhir 31/12/2023 Koperasi MCIS Berhad.

Sekiranya anggota-anggota mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut mengenai pelan perlindungan, pengemaskinian maklumat peribadi atau kemudahan laman web koperasi sila berhubung dengan pihak pengurusan Koperasi MCIS Bhd di talian 03-79546414 atau melalui e-mel di info@kopmcis.com atau koperasi.mcis @gmail.com.

Kami menghargai kerjasama dan sokongan berterusan anggota-anggota koperasi untuk terus maju dan kukuh pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,
Lembaga Koperasi MCIS Berhad



YB Gunarajah R George
Pengerusi

Lampiran A

BORANG MAKLUMAT ANGGOTA

KOPERASI MCIS BERHAD

KOD QR

ATAU

Pautan :

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSe3wiW_30GfxTyD6ZaSJW0flsB3sQ5-oIb4QYPC2wvcwl8WmQ/viewform

SILA IMBAS KOD QR ATAU AKSES PAUTAN UNTUK MENGISI MAKLUMAT ANGGOTA